

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 19 JUN 2014**

**RUJUKAN : 6996**

**SOALAN:**

**Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab-sebab tiada tindakan polis atau tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap parti-parti seperti ISMA, Perkasa dan Majlis NGO Islam selepas membangkitkan isu-isu perkauman secara keterlaluan.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang DiPertua**

**Kenyataan Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat adalah tidak benar kerana sebagai contoh sehingga 29 Mei 2014, sebanyak 43 laporan polis telah diterima oleh pihak polis terhadap Presiden ISMA dan Presiden Perkasa. Lanjutan daripada laporan polis ini, kertas siasatan telah dibuka untuk siasatan lanjut di bawah Akta Hasutan 1948. Oleh yang demikian adalah jelas bahawa kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Ipoh Barat adalah tidak tepat kerana tidak ada individu, kumpulan atau pertubuhan yang terkecuali daripada tindakan undang-undang di negara ini.**

**Walaupun bagaimanapun, buat masa ini saya tidak bercadang untuk mendedahkan secara terperinci status penyiasatan dan tindakan yang telah diambil memandangkan perkara ini masih di dalam siasatan pihak PDRM dengan kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).**